

## SUMBANGAN SIMBOLIK DALAM PEMBAHAGIAN ASET HARTA SEPENCARIAN DI MALAYSIA: SATU PERMINTAAN PASCA PERCERAIAN

### *SYMBOLIC CONTRIBUTION IN THE DISTRIBUTION OF JOINTLY ACQUIRED ASSETS IN MALAYSIA: A POST-DIVORCE DEMAND*

Nur Sarah Tajul Urus<sup>i</sup> Shahmi Awang<sup>ii</sup> Mohd Syahmil Samsudin<sup>iii</sup> Alias Azhar<sup>iv</sup>

i Pensyarah, Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, [nursarah@unishams.edu.my](mailto:nursarah@unishams.edu.my)

ii Pegawai Penyelidik di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, [shahmi@esyariah.gov.my](mailto:shahmi@esyariah.gov.my)

iii Pensyarah, Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan 'Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, [mohdsyahmil@unishams.edu.my](mailto:mohdsyahmil@unishams.edu.my)

iv Profesor Madya Dr., Sekolah Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, az.[alias@uum.edu.my](mailto:alias@uum.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Akta atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri di Malaysia telah mengiktiraf bahawa harta sepencarian boleh diminta atau dituntut haknya oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan biasa atau ketika suami ingin berpoligami. Harta sepencarian juga boleh dituntut selepas berlakunya kematian salah satu pasangan atau pembubaran perkahwinan melalui perceraian atau salah satu pasangan murtad dan menganut agama lain. Pelan Strategik bagi mempotretkan wajah Malaysia dalam Wawasan Kemakmuran Bersama dilahirkan selepas berakhirnya Dasar Wawasan Negara 2020 dan Visi TN50 memperjuangkan undang-undang yang sama demi melindungi hak wanita, agar golongan ini boleh merancang kewangan masa depan mereka walaupun sebagai seorang isteri atau madu, balu, janda, dan ibu tunggal. Sumbangan simbolik dalam tuntutan</p>	<p><i>Islamic Family Law Act or Enactment of the States in Malaysia has recognised that such property may be demanded or claimed by the husband and wife during the normal marriage period or when the husband wishes to polygamy. Such property can also be claimed after the death of one of the spouses or the dissolution of marriage through divorce or one of the apostasy couples and the religion of other religions. The Strategic Plan to portray Malaysia's face in the Common Prosperity Vision was born after the end of the National Vision Policy 2020 and the Vision of TN50 championing the same laws to protect women's rights, so that these groups could plan their future finances even as a wife or wives of polygamous husbands (honey), wife who's husband death (widow), widow, and single mother. Symbolic contribution to jointly acquired property claims is a form of property distribution given specifically for women and this practice is provided under Islamic family law in Malaysia. Symbolic contribution of this property can only be applied in the Syariah</i></p>

harta sepencarian merupakan satu bentuk pembahagian harta yang diberikan khusus untuk wanita dan amalan ini diiktraf oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Sumbangan simbolik harta sepencarian ini hanya boleh dipohon di Mahkamah Tinggi Syariah ketika dalam tempoh perkahwinan dan apabila berlakunya perceraian, poligami atau kematian. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan harta sepencarian. Objektif kedua adalah untuk menganalisis kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah berkaitan tuntutan harta sepencarian. Objektif ketiga pula adalah untuk mencadangkan satu prosedur operasi standard yang mudah, cepat dan mesra bagi permohonan harta sepencarian. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah analisis kandungan turut digunakan di mana sebahagian besar bahan-bahan bersumberkan perpustakaan yang terdiri daripada data primer dan sekunder. Data utama dikumpulkan dari kitab fiqah untuk menjelaskan bagaimana kaedah fiqah diterapkan. Peruntukan undang-undang dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kedah 2008 dan lain-lain statut berkaitan serta kes undang-undang yang berkaitan turut dirujuk. Selain itu, kaedah pemerhatian dan rujukan kes asal di mahkamah juga dilaksanakan. Data sekunder pula adalah berdasarkan bahan yang diterbitkan, seperti buku teks, artikel jurnal, pangkalan data dalam talian dan Internet. Untuk analisis, kajian ini menggunakan kaedah gabungan analisis data, iaitu pendekatan deskriptif, kritis dan perbandingan. Pernyataan hakim dalam setiap kes diperiksa dengan teliti

*High Court during the period of marriage and upon divorce, polygamy or death. The first objective of this study is to identify the provisions of laws relating to jointly acquired property. The second objective is to analyze cases decided by the courts in relation to claims of jointly acquired property. The third objective is to propose a simple, fast and friendly standard operating procedure for jointly acquired property applications. The study used qualitative methodology. Content analysis methods are also applied where most of the library-sourced materials consist of primary and secondary data. The main data is collected from the book fiqh to explain how the fiqh method is applied. The provisions of the law in the Kedah State Islamic Family Law Enactment 2008 and other relevant statutes as well as related legal cases are also referred to. In addition, the method of observation and reference of the original case in court is also implemented. Secondary data is based on published materials, such as textbooks, journal articles, online databases and the Internet. For analysis, this study uses a combined method of data analysis, i.e. descriptive, critical and comparative approach. The judges' statements in each case are thoroughly examined and followed by rational justification. The results show that the harmonisation of fiqh law and legal adaptation on jointly acquired property is the best law to apply especially by islamic family law institutions. The goal of giving symbolic contributions to jointly acquired assets is to maintain the best interests for married couples according to the context of the 'uruf in Malaysia. Therefore, the laws and guidelines in force are parallel and do not contradict the ruling of fiqh in Islam. It also guarantees that the couple will benefit from the distribution of property in marriage and after a divorce, polygamy or death. What the government has implemented is a necessity to protect the welfare of couples by introducing certain procedures to ensure justice for the husband and wife in the future in safeguarding*

<p>dan diikuti dengan justifikasi yang rasional. Hasil kajian menunjukkan bahawa harmonisasi hukum fiqah dan adaptasi undang-undang pada harta sepencarian adalah undang-undang terbaik untuk diguna pakai terutama oleh institusi undang-undang keluarga Islam. Matlamat pemberian sumbangan simbolik harta sepencarian adalah untuk mengekalkan kepentingan terbaik bagi pasangan suami isteri mengikut konteks uruf di Malaysia. Oleh itu, undang-undang dan garis panduan yang berkuat kuasa adalah selari dan tidak bertentangan dengan hukum fiqah dalam Islam. Ia juga menjamin bahawa pasangan itu akan mendapat manfaat pembahagian harta dalam perkahwinan dan selepas berlakunya perceraian, poligami atau kematian. Apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah satu keperluan untuk melindungi kebajikan pasangan dengan memperkenalkan prosedur tertentu bagi memastikan keadilan bagi suami dan isteri pada masa hadapan dalam menjaga kemaslahatan dan keadilan pihak isteri.</p> <p><b>(Kata Kunci: Sumbangan Simbolik - Perlindungan Harta – Aset Harta Sepencarian – Undang-Undang Keluarga Islam)</b></p>	<p><i>the welfare and justice of the wife.</i></p> <p><i>(Keywords: Symbolic Contribution - Property Protection – Jointly Acquired Property or assets – Islamic Family Law)</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Adaptasi Persidangan Antarabangsa dalam Isu-Isu Berkaitan Harta Sepencarian Secara Atas Talian (ICJAP 2020) yang bertemakan “Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudaratan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang” adalah amat signifikan dalam menelusuri ilmu syariah secara lebih moden menerusi kaedah baharu agar dapat diimplementasi ke dalam pengkanunan undang-undang.

Dunia moden pada hari ini berhadapan dengan cabaran mengenai kefahaman maksud sebenar berkaitan masalah dan mudarat. Secara dasarnya, masalah dapat diertikan sebagai manfaat, faedah, kebaikan,

kegunaan dan sebagainya. Manakala, mudarat membawa maksud sesuatu yang tidak menguntungkan atau mendatangkan kerugian. Sesuai dengan tema “Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudaratan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang” adalah berkonsepkan mencari jalan tengah dan titik persamaan agar tidak timbul fahaman ekstrim atau sikap tidak ambil kisah berkaitan polemik ini. Walaupun isu harta sepencarian pernah dibincangkan sedekad yang lalu, namun isu ini kekal relevan untuk dibahaskan dan dibicarakan semula pada perbahasan ini agar masyarakat Islam terus peka dan prihatin serta dapat menambahbaik secara berterusan dalam pelaksanaan kaedah fatwa dan perundangan negara.

Umumnya, harta sepencarian dapat dilakarkan sebagai harta yang terkumpul sepanjang perkahwinan sama ada harta alih atau harta tidak alih. Amalan pembahagian harta sepencarian yang pada asalnya sering kali dikaitkan dengan perkongsian hidup suami isteri telah pun diiktiraf oleh Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia setelah dikanunkan dengan peruntukan khas yang terdapat setiap negeri. Maka, slot akademik seumpama ini dapat menjadi medium perbincangan yang baik bagi menghasilkan idea baharu dengan mengambil kira sumber hukum syarak yang utama, pandangan mazhab dan fatwa kontemporari. Perbincangan secara ilmiah mengenai peruntukan undang-undang dan fatwa-fatwa baru di Malaysia dan luar negara akan memberikan implikasi yang mendalam terhadap penerimaan global dan perspektif secara relatif berkaitan isu harta sepencarian dalam merintis dunia digitalisasi dewasa kini.

## **PENGENALAN**

Agenda wanita hari ini perlu dilihat dalam konteks nasional dan global kerana agenda wanita tidak terkecuali daripada jangkauan program Transformasi Negara 2050 (TN50), yang diwujudkan sebagai program jangka panjang untuk menjadikan aspirasi rakyat sebagai teras kepada hala tuju dasar-dasar kerajaan menjelang tahun 2050 nanti. Sasarannya termasuk ibu tunggal, ibu yang bekerja, suri rumah dan wanita kurang upaya. Aspek ekonomi, jati diri dan potensi diri perlu ditekankan agar wanita dapat mempersiapkan diri mereka dalam menghadapi apa sahaja rintangan dan cabaran hidup. TN50 dilihat sebagai pandangan daripada rakyat berkenaan hala tuju dan aspirasi kepada kerajaan, berbeza dengan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) atau Wawasan 2020 datang sebagai dokumen dasar dan visi daripada kerajaan kepada rakyat. Tahun 2050 diharapkan akan menjadi satu era yang hebat untuk wanita Malaysia (Utusan Melayu, 2016).

Permintaan atau tuntutan harta sepencarian dilihat selari dengan aspirasi TN50 iaitu untuk mempersiapkan wanita dari segi ekonomi dan jati diri. Harta sepencarian merupakan hak yang boleh dituntut oleh isteri apabila berlakunya kematian suami, perceraian atau suami yang memohon untuk

berpoligami. Kebiasaannya harta tersebut diperoleh secara bersama atau harta persendirian sama ada harta alih atau tidak alih, kemudian dimanfaatkan bersama-sama ketika tempoh perkahwinan (Suwaidi Tapah, 2001).

Pada asalnya harta sepencarian adalah adat di kawasan nusantara, pasangan suami isteri saling bekerjasama mencari rezeki untuk menampung perbelanjaan harian. Kemudian adat ini diteruskan sehingga ke hari ini. Adat resam sesuatu bangsa atau kaum yang tidak bertentangan dengan Islam adalah diharuskan sebagai sebahagian daripada peraturan hidup dan perundangan bagi sesebuah negara. Dalam kaedah fiqah atau Qawaid Fiqhiyah ia dikenali dengan "Al-'Adah Muhakkamah". Ia bermaksud adat atau *uruf* menurut jumbuhur adalah "sesuatu yang telah menjadi kebiasaan bagi manusia dan mematuhinya dalam urusan kehidupan harian sehingga sehati dengan mereka dan menjadi satu perkara yang lumrah" (Amin Al-Jarumi, 2016).

Kini, harta sepencarian telah dijadikan sebahagian daripada undang-undang Islam di Malaysia yang diperuntukkan dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri. Enakmen ini menyatakan bahawa semasa hendak membahagikan aset atau harta tersebut, mahkamah hendaklah mengambil kira atau mempertimbangkan beberapa perkara sebelum sesuatu keputusan diputuskan menerusi sumbangan simbolik atau tersirat seperti takat sumbangan yang telah dibuat oleh setiap satu pihak bagi memperoleh aset-aset itu, hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka dan juga keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu (Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

## LATAR BELAKANG

Wanita Islam atau muslimah, dapat didefinisikan sebagai wanita berbangsa Melayu yang menganut agama Islam. Perancangan kewangan bagi seorang wanita secara peribadi demi masa hadapan perlu dirancang ke arah kaedah yang lebih praktikal, menyenangkan dan mengikut lunas undang-undang demi memartabatkan dan melindungi harta seorang wanita. Harta sepencarian dapat diminta atau dituntut apabila berlakunya kematian, perceraian atau poligami. Pada pandangan kasar, ia bermaksud perlu ada satu prosedur yang *standard* bagi memudahkan seorang wanita memohon harta sepencarian apabila berlaku keadaan-keadaan yang dibenarkan oleh hukum Syarak agar prosesnya lancar, seterusnya dapat memartabatkan sistem kehakiman sedia ada.

Perkahwinan yang sah mengikut undang-undang merupakan asas yang membolehkan permintaan atau tuntutan harta sepencarian dibuat. Ini kerana istilah "sama-sama sepencari" jelas melibatkan pihak suami isteri

sahaja dan menunjukkan bahawa mereka dibenarkan untuk membuat tuntutan harta ini. Jika sesuatu perkahwinan tidak sah mengikut undang-undang, sebarang tuntutan harta sepencarian tidak boleh dilakukan. Contohnya, pasangan yang bersekedudukan tanpa nikah yang sah dan memperoleh harta semasa tempoh bersekedudukan tersebut, mereka tidak berhak menuntut harta sepencarian mengikut undang-undang Islam.

Harta sepencarian merupakan harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum Syarak. Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar hikmah dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga, suami keluar mencari nafkah. Hukum Syarak pula bermaksud undang-undang syarak mengikut pandangan Fuqahak Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Kedua-dua istilah ini dilihat mampu melindungi hak Muslimah dalam tuntutan harta sepencarian dengan berkesan. Justeru, kedua-dua istilah ini adalah satu keperluan dalam konteks membekalkan modal dalam memulakan hidup baru selepas berlakunya perceraian, suami meninggal ataupun berpoligami yang tidak dapat dinafikan lagi.

Kebiasaannya, mustahil bagi seorang wanita yang melalui ujian getir sebegini berada dalam keadaan suka atau riang gembira. Impak yang besar terkesan kepada aspek emosi mereka. Kemurungan (*depression*) adalah salah satu penyakit psikologi yang melibatkan tekanan perasaan yang serius kepada individu baik lelaki atau wanita, kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas. Ia melibatkan rasa kesedihan, kepiluan, kecewa, putus asa atau putus harapan, dan hilang semangat untuk meneruskan kehidupan dengan bermakna dan gembira. Kehidupan dirasakan sunyi dan kosong. Kemurungan yang berlarutan boleh memberi implikasi yang buruk kepada individu. Selain daripada terganggu emosi, seperti kemurungan, menjadi pemarah secara melampau, dan mengakibatkan keletihan, individu berkaitan juga akan terganggu fungsi fizikal dan interaksinya. Rawatan perubatan dan bantuan psikoterapi dan kaunseling perlu diberi seawal mungkin kepada mereka yang terlibat agar ia tidak berlanjutan dan membawa kepada permasalahan mental yang lebih serius. Selain itu, aspek ekonomi mereka juga terjejas apabila mereka tiada pendapatan untuk menyara hidup. Justeru, permohonan harta sepencarian yang efisien dan cekap boleh membantu mereka memulakan kehidupan yang baharu dan lebih stabil.

Maka, apabila berhadapan dengan pelbagai situasi yang menuntut tindakan spontan dan cepat di kala masalah dan ujian melanda secara bertalu-talu, masyarakat mendambakan suatu prosedur standard dapat disediakan agar pihak teraniaya atau mangsa keadaan dapat mengadu secara langsung atau terus mengikut kaedah yang sepatutnya tanpa mengambil

masa yang terlalu lama sehingga meningkatkan kos urusan permohonan di mahkamah. Penyelesaian berhubung tuntutan harta sepencarian adalah hampir sama antara satu negeri dengan negeri yang lain. Pembahagian ataupun penyelesaian tuntutan harta sepencarian adalah berdasarkan kepada tiga pendekatan utama iaitu penyelesaian melalui kaedah *sulh*, persetujuan bersama dan perbicaraan di mahkamah.

Justeru, kefahaman yang jelas perlu ada dalam menentukan harta sepencarian dan pendidikan berterusan adalah diharapkan. Ia bukan semata-mata untuk mendapatkan hak atau bahagian, tetapi apa yang lebih penting adalah membangkitkan kesedaran bahawa kematian, perceraian atau poligami bukan sahaja mengancam kestabilan masyarakat, malah anak-anak kehilangan contoh atau suri tauladan, memaksa mereka menyesuaikan dengan keadaan yang baharu, serta akan menjejaskan perancangan kewangan wanita di usia senja. Sedangkan usia senja itu masa paling sesuai untuk membuat persediaan bagi lebih membersihkan diri menuju Allah S.W.T., dan bukan untuk menyesuaikan diri dengan hidup baharu.

## **OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN**

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan harta sepencarian. Objektif kedua adalah untuk menganalisis kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah berkaitan tuntutan harta sepencarian. Objektif ketiga pula adalah untuk mencadangkan satu prosedur operasi standard yang mudah, cepat dan mesra bagi permohonan harta sepencarian.

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah analisis kandungan turut digunakan di mana sebahagian besar bahan-bahan bersumberkan kajian kepustakaan yang terdiri daripada data primer dan sekunder. Data utama dikumpulkan dari kitab fiqah untuk menjelaskan bagaimana kaedah fiqah diterapkan. Peruntukan undang-undang dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kedah 2008 dan lain-lain statut berkaitan serta kes undang-undang yang berkaitan turut dirujuk. Selain itu, kaedah pemerhatian dan rujukan kes asal di mahkamah juga dilaksanakan. Data sekunder pula adalah berdasarkan bahan yang diterbitkan, seperti buku teks, artikel jurnal, pangkalan data dalam talian dan Internet. Untuk analisis, kajian ini menggunakan kaedah gabungan analisis data, iaitu pendekatan deskriptif, kritis dan perbandingan. Pernyataan hakim dalam setiap kes diperiksa dengan teliti dan diikuti dengan justifikasi yang rasional (Anas Suzastri Ahmad & Sharifah Azizah Syed Sahil Jamalullail, 2017).

## **DEFINISI HARTA SEPENCARIAN**

Harta sepencarian merupakan salah satu permintaan atau tuntutan yang begitu popular di kalangan masyarakat Melayu. Secara asasnya, harta sepencarian merupakan harta yang diperolehi sepanjang tempoh perkahwinan (*inter-vivos*) sama ada melalui usaha bersama mahupun usaha tunggal pasangan yang berkahwin (Norazlina Abdul Aziz, Iriani Ibrahim & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2002). Seksyen 2(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 mentafsirkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak.

Dalam kes Yang Chik binti Hashim lwn Abdul Jamal bin Abdul Rahim, 1986, YAA Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Kadi Besar telah berkata:

*“Konsep harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapat harta tersebut.”*

Manakala dalam kes Piah Binti Said lwn Che Lah Bin Awang, 1983, Hakim Hj. Harussani Bin Hj. Zakaria menyatakan bahawa:

*“Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi secara bersama semasa suami isteri itu hidup bersama dan sama-sama berusaha terhadap harta tersebut sama ada kedua-dua pasangan itu sama-sama bekerja dalam bidang yang sama atau dalam bidang berlainan dan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi dan sama ada dibahagikan-bahagikan tugas atau tidak. Harta sepencarian berbeza dengan harta perkongsian yang mana harta itu diperolehi dengan berkongsi seperti membeli sesuatu dengan pihak-pihak mengeluarkan modal.”*

## **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

Peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, jika dibaca secara bersama dengan tafsiran harta sepencarian di atas membawa maksud bahawa harta sepencarian boleh wujud dalam tiga keadaan;

i) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka;

ii) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu (1983); atau

ii) Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu itu atau dengan usaha bersama suami isteri (1983).



## PERBANDINGAN TAFSIRAN KONSEP HARTA SEPENCARIAN DI MALAYSIA

Harta sepencarian telah diiktiraf dalam perundangan Islam di Malaysia, seperti yang termaktub dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri. Lihat jadual berikut:

	Negeri	Tafsiran Harta Sepencarian
	Kedah, Johor, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Pahang, Perak dan Kelantan.	Harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.
	Negeri Sembilan.	Harta yang diperoleh bersama oleh suami isteri, sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.

Berdasarkan jadual di atas, dapat ditafsirkan bahawa semua negeri di Malaysia memberikan pengertian yang sama terhadap istilah harta sepencarian melainkan Negeri Sembilan sahaja yang menambah harta yang diperoleh 'sama ada secara langsung atau tidak langsung' (Suwaid Tapah, 2001).

	Kes	Tafsiran Harta Sepencarian
	Yang Chik lwn Abdul Jamal [1985] 6 JH 146	Hakim menyatakan harta sepencarian ialah harta yang diperoleh semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta.
	Hajjah Lijah binti Jamal lwn Fatimah bt Mat Diah [1950] MLJ 63.	Hakim Briggs mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperoleh dalam masa mereka hidup berkahwin sebagai suami isteri, hasil daripada daya mereka atau melalui usaha mereka bersama. Dalam kes ini, Hakim Briggs ketika memutuskan berkata: "Tuntutan oleh seorang janda terhadap harta sepencarian bukan satu tuntutan untuk mendapatkan bahagian

		<p>dalam harta pusaka si mati. Cawangan adat Melayu ini telah diiktiraf di seluruh Negeri Kelantan di kalangan petani, pemilik tanah dan bahagian itu biasanya dianggap kepunyaan janda sebanyak <math>\frac{1}{2}</math> selain daripada persoalan tuntutan bahagian pembahagian dalam harta pusaka.</p>
	<p>Roberts @ Kamarulzaman lwn Ummi Kalthom [1981] 2 JH 82.</p>	<p>Harta sepencarian ditakrifkan sebagai harta yang diperoleh dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya, hasil daripada sumber-sumber atau daripada usaha mereka. Berdasarkan kepada kes ini, kedua-dua suami dan isteri bekerja dan mereka berkongsi membeli sebuah rumah di Kuala Lumpur dengan harga RM50,000. Suami telah mengeluarkan modal sebanyak RM40,000 dan isteri mengeluarkan modal sebanyak RM10,000. Memandangkan suami pada masa itu merupakan pegawai kerajaan, maka rumah tersebut telah didaftarkan di atas nama isteri. Apabila berlaku perceraian, suami telah mencadangkan supaya harta-harta yang diperoleh tersebut dibahagi dua tetapi telah dibantah oleh isteri. Suami kemudiannya telah memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi Sivil bagi menuntut harta tersebut. Yang Arif Raja Azlan Syah yang merupakan hakim pada waktu itu telah memutuskan bahawa harta tersebut merupakan harta sepencarian dan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak, harta itu telah dibahagi sama rata antara mereka (Ahmad Ibrahim, 1999). Meskipun dalam kes ini, pihak-pihak tersebut telah bersetuju untuk membahagikan harta tersebut kepada dua, tetapi ia jelas menunjukkan</p>

		bahawa sumbangan langsung khususnya dalam bentuk kewangan merupakan faktor penting pembahagian sama banyak harta dalam kes ini.
--	--	---

Jadual tersebut menghuraikan tiga kes terdahulu dan utama yang dirujuk sehingga kini berkaitan harta sepencarian.

### **PERKAHWINAN DAN PEMILIKAN HARTA**

Secara perbandingan, perkahwinan menurut *common law* dan undang-undang Islam memberi kesan yang amat berbeza terhadap hak pemilikan harta. Menurut konsep *common law*, seorang perempuan yang berkahwin akan kehilangan haknya untuk memiliki dan menguruskan hartanya. Apa-apa harta dimiliki olehnya akan menjadi milik bersama suaminya sebaik sahaja mereka melangsungkan perkahwinan. Ini bermaksud, sesuatu perkahwinan memberi impak yang ke atas pemilikan atau perlindungan harta (P.M. Bromley & N. V. Lowe, 1992).

Manakala menurut ajaran agama Islam pula, ikatan perkahwinan ialah suatu kontrak atau perjanjian yang kuat dan tidak memberi apa-apa kesan dalam pemilikan harta (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997). Seorang Muslimah yang berkahwin masih mempunyai hak untuk memiliki harta dan masih terus boleh memiliki harta yang menjadi miliknya sebelum dia berkahwin. Dia juga berhak untuk melupuskan mana-mana hartanya tanpa persetujuan atau campur tangan suaminya (Ahmad Ibrahim, 1968).

### **PIHAK YANG BERHAK MEMBUAT TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN BILA BERLAKU PERCERAIAN**

Seksyen 122(1) Enakmen Undang-Undang keluarga Islam Negeri Sabah memperuntukkan: (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu. Berdasarkan peruntukan tersebut, 'pihak-pihak' yang dinyatakan adalah suami dan isteri. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu Sabah, Tuan Ahmad Din Bin OKK Othman turut menyatakan bahawa suami berhak untuk menuntut pembahagian harta sepencarian.

Di negeri Sabah, terdapat beberapa kes yang mana suami telah memfailkan tuntutan harta sepencarian ke atas isterinya seperti kes Chong

Yaw Kiong @ Muhammad Asif Chong Abdullah lwn Affidah Binti Sarudin (12100-017-0186-2014), Ibrahim Bin Ag. Ali lwn. Mascila Maidol @ Maisarah Maidol Abdullah (12100-017-02902014), Zaharin Bin Naamat lwn Nurhanisah Binti Abdullah @ Sumini (12100-017-0461-2011) dan Mohd Khamal Bin Sahak lwn Julia Adlin Binti Musa (12100-017-0173-2013). Isteri merupakan antara pihak yang boleh membuat tuntutan harta sepencarian sekiranya berlaku perceraian, poligami dan kematian.

Harta sepencarian ini bukan sahaja boleh dituntut oleh isteri yang bekerja sahaja, malah ia merupakan hak bagi isteri sama ada bekerja atau tidak yang berada dalam situasi yang membolehkan tuntutan harta sepencarian dilakukan. Hak isteri dalam membuat tuntutan harta sepencarian dinyatakan di bawah seksyen 122(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sabah iaitu, mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu. Isteri yang tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa dengan menguruskan rumah tangga mempunyai hak untuk membuat tuntutan harta sepencarian sebagai penghargaan kepada dirinya yang telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab suami dalam rumah tangga sehingga membolehkan suami keluar bekerja untuk mencari nafkah (Azlina Abd Latiff 2004: 67).

Walaupun isteri diberi hak untuk menuntut harta sepencarian, tetapi tidak bermakna isteri akan mendapat sebahagian daripada harta tersebut kerana ia akan dinilai oleh pihak mahkamah dari sudut takat sumbangan dan sebagainya (Mohd Anuar Ramli et. al 2012: 81). Takat sumbangan isteri yang tidak bekerja adalah berdasarkan beberapa perkara seperti idea, dorongan, nasihat, keselesaan atau ketenteraman salah satu pihak yang berusaha dan berjaya dalam mendapatkan harta itu (Suwaid 2003: 9).

Terdapat beberapa kes di Sabah menunjukkan isteri membuat tuntutan harta sepencarian seperti kes Malizah Binti Oldy lwn Matyasin Bin Jamil (12100-017-0581-2013), Aimee Nadia Abdullah @ Jeslin Bin Beliku lwn Jumain Bin Sainoh (12100-0170517-2013), Kamsinah Binti Malik lwn Kadir Bin Gani (12100-0170085-2013), Saudah Binti Ali Baki lwn Junit Bin Yusup (12100-0170315-2015), Siti Jurinah Asmat lwn Musmulyady Matlin (12100-0170096-2015), Suhaini Binti Abdul Hamid lwn Chee Rodzmi Ismail (12100-017-0009-2014) dan Suzane Binti Adzmin lwn Ayatullah Bin Yampalera (12100-017-0133-2015). Hak ahli waris si mati sama ada dari pihak suami atau isteri untuk menuntut harta sepencarian timbul ekoran daripada beberapa

peristiwa atau situasi lebih-lebih lagi jika suami tersebut berpoligami. Contohnya, persoalan kedudukan hak ahli waris si mati seperti anak, ibu bapa menuntut harta sepencarian jika ibu atau anak perempuan mereka meninggal dunia sedangkan suami si mati tersebut masih hidup (Miszairi Sitoris & Akmal Hidayah Halim 2010: 34).

Harta sepencarian mempunyai asas di sisi syarak, yang memberi hak kepada ahli waris membuat tuntutan, kerana hak itu akan berpindah kepada waris sekiranya yang empunya hak itu meninggal dunia. Tuntutan seperti ini boleh dibuat ke atas pihak yang masih hidup atau ke atas waris si mati kerana hak seseorang itu tidak gugur kecuali dia menolak haknya dan jika hak itu masih wujud, ia akan berpindah kepada warisnya jika dia meninggal.

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Tuan Ahmad Din Bin OKK Othman (2016) menyatakan bahawa ahli waris si mati sama ada daripada pihak suami atau isteri seperti anak dan ibu bapanya boleh membuat tuntutan harta sepencarian bagi pihak si mati sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan. Justeru, tuntutan harta sepencarian oleh ahli waris si mati sama ada daripada pihak suami atau isteri boleh dilakukan jika pihak-pihak dalam perkahwinan itu yang masih hidup tidak mengemukakan sebarang tuntutan. Misalnya, jika seorang suami mempunyai dua orang isteri dan salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka anak-anak bagi si mati boleh menuntut harta sepencarian bagi pihak ibunya (Nur Shafiqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

## **USAHA TUNGGAL DAN ELEMEN SUMBANGAN SECARA TIDAK LANGSUNG**

Pertikaian dalam pembahagian harta sepencarian juga berlaku apabila harta itu diperolehi semata-mata hasil usaha satu pihak sahaja (Norliah Ibrahim, 2007). Selain itu juga, sumbangan tidak langsung pihak isteri juga sering dipertikaikan oleh pihak suami. Dalam perkara ini, pihak isteri biasanya yang cuba membangkitkan isu sumbangan tidak langsung ini. Melihat kepada amalan mahkamah pada hari ini, pihak isteri masih lagi mendapat bahagiannya dalam harta sepencarian walaupun usaha tersebut diperolehi hanya atas usaha tunggal suami sahaja dengan mengambil kira sumbangan isteri terhadap kebajikan rumah tangga. Hal ini boleh dilihat dalam kes Boto' lwn Jaafar (1985) 2 MLJ 29 di mana mahkamah menyatakan: "Memang betul bahawa pihak menuntut tidak mengambil bahagian secara langsung dalam perniagaan ikan pihak kena tuntutan, akan tetapi kesediaannya berdampingan dengan pihak kena tuntutan adalah menghasilkan ketenangan fikiran yang membolehkannya berniaga dengan berkesan. Sesungguhnya ia telah menyebut dalam keterangannya bahawa pihak menuntut bersamanya dalam perjalanannya disebabkan kesunyian jika ia tidak berbuat demikian. Oleh itu,

adalah nyata perkahwinan mereka dan apa yang mereka berbuat semasa perkahwinan yang menjadikan harta-harta itu harta sepencarian”.

Sokongan moral juga telah diiktiraf oleh mahkamah sebagai salah satu daripada sumbangan yang tidak boleh dinafikan. Prinsip ini dapat dilihat dalam kes Tengku Anum Zahrah lwn Dato’ Dr. Hussein (1980), 3 JH 125. Tuntutan isteri terhadap harta sepencarian telah dinafikan oleh suami atas alasan isteri tidak membuat apa-apa sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walau bagaimanapun mahkamah memutuskan harta sepencarian tersebut hendaklah dibahagi dua berdasarkan sumbangan moral yang telah diberikan pihak isteri. Dengan mengahwini isteri yang berketurunan raja, suami telah mendapat gelaran Dato’ dengan cepat dan secara tidak langsung telah membuatkan perniagaan suami meningkat dan berkembang kerana telah mendapat kepercayaan orang ramai (Zaini Yusnita Mat Jusoh, 2016).

### **TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN SELEPAS KEMATIAN**

Peruntukan undang-undang secara khusus mengenai tuntutan harta sepencarian selepas kematian tidak termaktub dalam mana-mana undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Sebaliknya ia terkandung dalam Arahan Amalan No.5 Tahun 2003 JKSM yang menyatakan bahawa masa tuntutan harta sepencarian ini boleh dibuat semasa tuntutan perceraian, selepas perceraian dan selepas kematian. Bagi menguatkan lagi kedudukan tuntutan harta sepencarian selepas kematian terdapat beberapa buah negeri yang mengeluarkan fatwa keharusan membuat tuntutan tersebut selepas kematian salah seorang pasangan. Antaranya fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertarikh 18 April 2005 yang berbunyi:

1. Harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak dalam perkahwinan di negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami dan isteri sebelum difaraidkan termasuk selepas dilepaskan tanggungan si mati.
2. Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dari kedua-dua belah pihak
3. Persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah mahkamah.

Hak untuk menuntut harta sepencarian selepas kematian adalah pihak suami atau isteri si mati kerana ia adalah hak mereka berdua. Ini dapat dilihat dalam kes Bunga Bt Ibrahim lwn Ila@ Zila bt Abdullah & lain-lain (1999), 9 JH 198 di mana dalam kes ini isteri yang kematian suami telah menuntut pembahagian terhadap harta sepencarian yang telah terkumpul sepanjang 36 tahun perkahwinannya. Berdasarkan Seksyen 9(2)(IV) Enakmen Mahkamah Syariah Kelantan 1982 telah diputuskan bahawa harta tersebut adalah harta sepencarian dan isteri berhak mendapat haknya. Keputusan yang sama juga

telah diputuskan dalam kes Haji Saudah lwn Hanafi, (1990), 8 JH 66 di mana dalam kes ini mahkamah membenarkan isteri yang kematian suami menuntut haknya untuk mendapatkan harta sepencarian yang terkumpul sepanjang perkahwinan mereka. Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang dalam kes Habsah Bt Saad lwn Surianata Baharom & Shaari Samad (2004) XVI 83 juga telah membenarkan isteri menuntut haknya ke atas harta sepencarian yang terkumpul sepanjang perkahwinannya dengan suaminya yang telah meninggal dunia apabila defendan gagal membuktikan harta tersebut adalah harta pusaka (Zaini Yusnita Mat Jusoh, 2016).

Oleh itu, walaupun perkara di atas pada awalnya hanya dibenarkan di Mahkamah Syariah Kelantan dan Terengganu, namun akhir-akhir ini telah menjadi ikutan negeri-negeri yang lain di Malaysia. Tuntutan tersebut wajar dibenarkan kerana menafikan hak tersebut adalah secara tidak langsung akan menyebabkan ketidakadilan terutamanya apabila dapat dibuktikan bahawa pihak yang masih hidup itu telah memberikan sumbangan untuk memperoleh harta tersebut kecuali pihak yang masih hidup reda atas peninggalan harta si mati dan tidak membangkitkan haknya ke atas harta tersebut (Norliah Ibrahim, 2007).

### **TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN DI DALAM POLIGAMI**

Poligami dalam Islam hukumnya adalah harus tetapi hanyalah satu amalan yang dibolehkan bagi seorang suami yang mampu memberi nafkah secara zahir dan batin serta boleh berlaku adil atau atas sebab-sebab yang tertentu misalnya dalam keadaan yang khusus seperti kemandulan isteri, keuzuran fizikal isteri atau isteri menghadapi penyakit yang berpanjangan. Jadi poligami merupakan satu langkah penyelesaian yang juga dibenarkan oleh hukum syarak dan undang-undang. Enakmen undang-undang keluarga Islam setiap negeri juga telah menggariskan bahawasanya permohonan untuk berpoligami di semua negeri mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada qadi atau Hakim Syarie.

Prosedur poligami di Selangor telah diperuntukkan di bawah Seksyen 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 yang menyatakan bahawa tiada seorang pun lelaki semasa wujudnya suatu perkahwinan boleh berpoligami kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada mahkamah. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran hendaklah dikemukakan kepada mahkamah disertai dengan suatu ikrar menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut atau perlu, pendapatan pemohon, butir-butir komitmen serta tanggungan kewangan pemohon dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak. Sekiranya pihak suami telah memenuhi segala syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas, mahkamah juga boleh membuat pertimbangan

terhadap beberapa perkara lain sebelum membenarkan pihak suami berpoligami. Salah satu perkara tersebut ialah mengenai pembahagian harta sepencarian antara pihak-pihak dalam perkahwinan tersebut.

Seksyen 23(10) memperuntukkan: Tiap-tiap Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan di bawah seksyen ini, hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan—

(a) untuk menghendaki seseorang untuk membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada; atau

(b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.

Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut adalah jelas bahawasanya pihak isteri pertama atau isteri-isteri yang sedia ada boleh menuntut hak mereka terhadap harta sepencarian sekiranya pihak suami membuat permohonan untuk berpoligami. Kesan daripada peruntukan ini juga mengharuskan suami mencadangkan pembahagian harta sepencarian sebelum mahkamah meluluskan permohonan poligami tersebut. Tanpa cadangan tersebut, mahkamah tidak akan proses permohonan poligami yang dibuat oleh suami. Peruntukan ini bertujuan untuk melindungi pihak isteri yang sedia ada daripada dianiaya apabila berlakunya poligami (Zaini Yusnita Mat Jusoh, 2016).

## **PENYELESAIAN TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN**

Penyelesaian berhubung tuntutan harta sepencarian adalah hampir sama antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu, pembahagian ataupun penyelesaian tuntutan harta sepencarian adalah berdasarkan kepada tiga pendekatan utama iaitu penyelesaian melalui kaedah *sulh*, persetujuan bersama dan perbicaraan di mahkamah.

Pada tahun 2010, terdapat 12 kes harta sepencarian yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu yang mana sebanyak 2 kes telah diselesaikan melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak dan 3 kes pula telah dibenarkan permohonannya melalui perbicaraan di hadapan hakim. Kemudian, sebanyak 7 kes pula telah ditolak permohonannya dan belum diselesaikan.

Pada tahun berikutnya, terdapat 19 kes tuntutan harta sepencarian telah didaftarkan. Sebanyak 2 kes telah diselesaikan melalui kaedah *sulh*, 3 kes diselesaikan melalui persetujuan bersama pihak-pihak dan 5 kes diselesaikan melalui perbicaraan dan 9 kes lagi telah ditolak serta belum selesai. Kemudian jumlah kes tuntutan harta sepencarian yang didaftarkan



pada tahun 2012 meningkat kepada 30 kes dan jumlah ini merupakan jumlah tertinggi yang didaftarkan antara tahun 2010 sehingga 2015.

Pada tahun 2012 ini, sebanyak 5 kes telah diselesaikan melalui kaedah sulh, 9 kes telah diselesaikan melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak dan 2 kes telah dibenarkan permohonannya melalui perbicaraan. 14 kes yang berbaki pula telah ditolak permohonannya dan belum diselesaikan.

Pada tahun 2013, jumlah kes tuntutan harta sepencarian yang didaftarkan telah menurun kepada 22 kes yang mana 11 kes telah diselesaikan melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak dan 11 kes lagi belum diselesaikan dan ditolak permohonannya.

Pada tahun berikutnya, kes harta sepencarian yang telah didaftarkan di mahkamah tersebut adalah sebanyak 23 kes. Sebanyak 9 kes telah diselesaikan melalui kaedah sulh, 2 kes diselesaikan melalui persetujuan bersama pihak-pihak dan 1 kes telah diterima permohonannya melalui perbicaraan. Manakala 11 kes yang berbaki pula telah ditolak permohonannya atau belum diselesaikan.

Akhir sekali, pada tahun 2015, jumlah kes yang didaftarkan adalah sebanyak 21 kes. Sebanyak 8 kes telah diselesaikan melalui kaedah sulh, 2 kes diselesaikan melalui persetujuan bersama, 1 kes telah diterima permohonannya melalui perbicaraan dan 10 kes lagi belum diselesaikan atau ditolak permohonannya (Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

## **KAEDAH SULH**

Terdapat beberapa kes tertentu yang boleh diselesaikan melalui kaedah sulh seperti tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin atau pertunangan, tuntutan hadanah (jagaan anak), tuntutan nafkah anak, permohonan pelaksanaan perintah mahkamah dan tuntutan-tuntutan berbangkit daripada suatu perceraian seperti harta sepencarian (Hammad 2014: 563). Majlis Sulh ini dihadiri oleh pihak penuntut, pihak yang dituntut dan seorang pegawai sulh. Setelah Majlis Sulh berlangsung, keputusan sulh akan ditetapkan sama ada ia berakhir dengan penyelesaian tuntutan atau perlu dibawa ke perbicaraan (Siti Noraini & Zulkifli t.th: 11). Sekiranya Majlis Sulh tersebut berjaya mencapai persetujuannya sama ada sebahagian atau keseluruhannya, persetujuan yang dicapai antara pihak-pihak hendaklah dibuat dalam bentuk Perjanjian Penyelesaian dan ditandatangani oleh pihak-pihak di hadapan Pengerusi di dalam Majlis *Sulh*, kemudian keputusan tersebut akan dibawa ke hadapan hakim untuk direkodkan sebagai perintah mahkamah sesuai dengan Seksyen 94, Enakmen Tatacara Mal Syariah Negeri Sabah 2004 yang memperuntukkan: Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-

termanya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara res judicata dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matanya adalah sama. Di samping itu, sekiranya Majlis *Sulh* tersebut gagal sama ada sebahagian atau keseluruhan, kes tuntutan harta sepencarian tersebut akan dibawa ke hadapan hakim untuk proses perbicaraan (Siti Noraini & Zulkifli, 2010, hlmn. 11).

Contoh kes yang diselesaikan secara *sulh* adalah seperti kes Suhaini Binti Abd Hamid lwn Chee Rodzmi Ismail (12100017-0009-2014), plaintif dan defendan telah berkahwin pada 2 Disember 1995 dan bercerai dengan talak satu pada 19 Januari 2012. Dalam kes ini, pihak isteri telah membuat tuntutan harta sepencarian ke atas sebuah apartmen yang telah diperolehi bersama suami ketika dalam tempoh perkahwinan. Namun, dalam Majlis *Sulh* si suami atau defendan telah bersetuju untuk menyerahkan haknya ke atas rumah tersebut kepada plaintif sepenuhnya. Kedua-dua pihak kemudiannya menandatangani satu Perjanjian Penyelesaian dan hakim meluluskan persetujuan tersebut. Penyelesaian secara *sulh* antara pihak-pihak dengan menyerahkan pemilikan harta sepencarian tersebut kepada anak-anak adalah seperti kes Suzane Binti Adzmin @ Amin lwn Ayatullah Bin Yampalera (12100-017-0133-2015). Plaintif dan defendan telah berkahwin pada 17 Oktober 2003 dan bercerai pada 15 Februari 2012. Plaintif dan defendan juga telah dikurniakan tiga orang cahaya mata. Sepanjang perkahwinan tersebut, plaintif dan defendan telah memperolehi sebuah unit kondominium. Dalam Majlis *Sulh* yang diadakan pada 10 Mac 2015, kedua-dua pihak telah menandatangani satu Perjanjian Penyelesaian yang mana kondominium tersebut diserahkan sepenuhnya kepada plaintif dan plaintif akan memasukkan nama ketiga-tiga anaknya iaitu Muhammad Hidayatullah, Muhammad Fadlullah dan Muhammad Dhoifullah dalam milikan rumah tersebut. Perjanjian Penyelesaian ini kemudiannya diteliti oleh Hakim dan diluluskan.

Penyelesaian *sulh* melalui situasi “menang-menang” boleh dilihat dalam kes Siti Jurinah Asmat lwn Musmulyady Matlin (12100-0170096-2015). Plaintif dan defendan dalam kes ini telah melangsungkan perkahwinan pada 4 April 1999 dan telah bercerai pada 20 Ogos 2014. Sepanjang tempoh perkahwinan mereka, plaintif dan defendan telah membeli sebuah rumah dan rumah tersebut telah diisytiharkan sebagai harta sepencarian oleh mahkamah. Pihak-pihak dalam kes ini telah mencapai persetujuan di dalam Majlis *Sulh* yang diadakan pada 18 Februari 2015 untuk menjual rumah tersebut dan defendan akan memberikan sejumlah wang sebanyak RM20,000.00 kepada plaintif. Kedua-dua pihak kemudiannya menandatangani satu Perjanjian Penyelesaian melalui Majlis *Sulh* ini dan hakim mengendorskan persetujuan tersebut.

Selain itu, kes seterusnya yang diselesaikan melalui situasi yang sama adalah kes Saudah Ali Baki lwn Juni Bin Yusup (12100-0170315-2015). Plaintiff dan defendan telah berkahwin pada 28 November 1983 dan bercerai pada 3 Disember 2014. Sepanjang tempoh perkahwinan mereka, mereka telah memperolehi beberapa harta seperti sebuah rumah di Taman Kinarut Jaya bersama kelengkapan perabot, sebuah rumah apartmen bersama kelengkapan perabot, sebuah kereta Nissan Frontier dan sebuah motosikal Honda CBR 150CC. Mahkamah telah bersetuju untuk mengisytiharkan harta-harta tersebut sebagai harta sepencarian. Pihak-pihak dalam kes ini juga telah mencapai persetujuan dalam Majlis Sulh yang diadakan pada 29 Julai 2015 agar kesemua harta tersebut dibahagikan sama rata antara mereka iaitu 50% kepada plaintiff dan 50% kepada defendan termasuk kereta Nissan Frontier dan motosikal Honda CBR 150CC itu tetapi segala baki ansuran bulanan bagi kedua-dua kenderaan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh defendan. Mahkamah meluluskan persetujuan melalui Majlis Sulh tersebut.

Contoh terakhir dalam situasi ini adalah kes Nikmah Binti Abdullah lwn Ridwan Bin Tenriranran (12100-017-0414-2013). Dalam kes ini, plaintiff dan defendan telah bernikah pada 29 September 2008 dan bercerai pada 12 Mac 2013. Mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata. Plaintiff dan defendan telah memperolehi beberapa harta sepanjang tempoh perkahwinan mereka dan diisytiharkan sebagai harta sepencarian termasuklah sebuah rumah teres dan sebuah apartmen. Hasil perbincangan kedua-dua belah pihak dalam Majlis Sulh, akhirnya pihak-pihak ini bersetuju untuk memberikan rumah teres tersebut 100% kepada plaintiff dan apartmen tersebut juga diberikan 100% kepada defendan. Hakim kemudiannya meluluskan persetujuan ini. Nilai harta yang sedikit juga mempengaruhi pihak-pihak untuk menyelesaikan tuntutan harta sepencarian melalui kaedah sulh.

Antara contoh kes yang berlaku bagi situasi ini adalah kes Ibrahim bin Ag. Ali lwn Maisarah Maidol Abdullah @ Mascila Maidol (12100-017-02902014). Plaintiff dan defendan telah berkahwin pada 16 Ogos 2012 dan bercerai pada 25 Mac 2014. Ketika dalam tempoh perkahwinan, pihak-pihak telah memperoleh harta sepencarian seperti sebuah rumah, almari pakaian, katil, televisyen, peti sejuk, mesin basuh, penghawa dingin, dua unit pembesar suara dan sebuah motosikal. Plaintiff menyatakan bahawa beliau telah membuat rumah tersebut dengan menggunakan duitnya sendiri serta membeli kelengkapan rumah seperti almari, katil, televisyen, peti sejuk, mesin basuh, penghawa dingin serta dua unit pembesar suara juga dengan duitnya sendiri serta membayar deposit untuk membeli motosikal tersebut. Kemudian, Majlis *Sulh* telah diadakan di antara pihak-pihak tersebut pada 11 Jun 2014 dan dalam majlis tersebut, pihak-pihak telah menandatangani satu Perjanjian Penyelesaian bersetuju agar kesemua harta tersebut diserahkan

kepada defendan. Persetujuan melalui Majlis *Sulh* ini dibenarkan oleh hakim (Nur Shafiqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

### **PENYELESAIAN MELALUI PERSETUJUAN BERSAMA**

Di Malaysia, kehadiran peguam dalam prosiding mahkamah telah bermula semenjak penubuhan Mahkamah Syariah di bawah Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri. Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri-negeri di Malaysia membenarkan kehadiran pegawai undang-undang dan peguam bagi mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding di Mahkamah Syariah pada mana-mana peringkat mahkamah termasuklah di peringkat Mahkamah Rayuan. Secara umumnya, tugas para peguam bukan hanya terhad untuk membantu mahkamah dalam soal prosedur dan merujuk kes-kes yang telah diputuskan sahaja, malah mereka juga berperanan untuk mencari penyelesaian secara damai di antara pihak-pihak yang bertikai. Mereka boleh menganjurkan penyelesaian secara sulh kepada anak guam yang mereka wakili tanpa melihat kepada peringkat mana suatu prosiding tersebut berlangsung dengan syarat ia dilakukan sebelum penghakiman dijalankan.

Dengan ini, penyelesaian pertikaian dapat disegerakan dan dapat menghindarkan ketegangan hubungan antara pihak-pihak. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2012 yang menyatakan bahawa kes-kes yang disertakan Perjanjian Penyelesaian/Persetujuan yang dibuat oleh peguam syarie atau pihak-pihak, tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran. Berdasarkan kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2012 tersebut, setelah tercapainya persetujuan antara kedua-dua belah pihak di hadapan peguam mereka, pihak peguam akan membuat satu Perjanjian Persetujuan yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Kemudian, peguam syarie akan memaklumkan kepada mahkamah semasa perbicaraan berlangsung bahawa pihak-pihak telah mencapai persetujuan bersama dan hakim akan meneliti perjanjian tersebut kemudian mengeluarkan perintah mahkamah. Di samping itu, persetujuan bersama ini juga berlaku semasa proses perbicaraan berjalan. Situasi ini berlaku apabila *sulh* antara kedua-dua pihak ini tidak berjaya dan pihak-pihak dibawa ke hadapan hakim untuk perbicaraan.

Kemudian, semasa proses perbicaraan tersebut berjalan, pihak-pihak telah mencapai persetujuan bersama antara mereka dan menyatakan persetujuan tersebut di hadapan hakim, kemudian hakim akan meneliti persetujuan yang telah dibuat oleh pihak-pihak itu dan mengeluarkan satu perintah mahkamah berdasarkan persetujuan yang telah dicapai tersebut. Penyelesaian ini dinamakan sebagai penghakiman melalui persetujuan bersama. Berdasarkan statistik penyelesaian kes harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, sebanyak 29 kes daripada 65 kes yang

selesai adalah melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak dan penyelesaian melalui cara ini adalah yang tertinggi sekali.

Antara contoh kes melalui persetujuan bersama ini adalah kes tuntutan harta sepencarian Aimee Nadia Abdullah @ Jeslin Binti Beliku lwn Jumain Bin Sainoh (12100-017-0517-2013). Dalam kes ini, plaintif dan defendan telah bernikah pada 3 Februari 1990 dan telah bercerai dengan talak satu pada 1 Oktober 2013. Sepanjang perkahwinan tersebut, plaintif dan defendan telah dikurniakan dua orang anak lelaki dan mereka juga telah memperoleh sebuah rumah teres dua tingkat dan sebuah apartmen. Berdasarkan kepada kes ini, kedua-dua pihak telah menandatangani satu Perjanjian Persetujuan di hadapan peguam mereka dari Tetuan MS Association bersetuju bahawa sebuah rumah teres dua tingkat telah menjadi milik mutlak defendan, namun defendan bersetuju dan membenarkan plaintif dan anak kedua mereka untuk tinggal di rumah tersebut selama mana pihak plaintif inginkan atau selama mana yang perlu. Namun, sebuah apartmen yang telah dibeli oleh pihak plaintif adalah menjadi hak milik plaintif dan pihak defendan tidak membuat tuntutan harta sepencarian ke atas apartmen tersebut dengan syarat hak milik apartmen tersebut diserahkan sepenuhnya kepada anak-anak mereka secara sama rata. Plaintif bersetuju untuk menyerahkan hak milik apartmen tersebut kepada kedua-dua anaknya secara sama rata. Hakim kemudiannya meneliti Perjanjian Persetujuan tersebut dan mengeluarkan satu perintah untuk membenarkan persetujuan bersama tersebut.

Kes kedua adalah kes Chong Yaw Kiong @ Muhammad Asif Chong Abdullah lwn Affidah Binti Sarudin (12100-017-0186-2014). Dalam kes ini, plaintif dan defendan telah bercerai secara persetujuan bersama pada 13 Mac 2012 dan dikurniakan dua orang anak dalam tempoh perkahwinan mereka. Di atas persetujuan mereka juga, hak penjagaan kedua-dua anak ini adalah diberikan kepada plaintif tanpa menjejaskan hak syarie defendan sebagai ibu kandung mereka. Sepanjang tempoh perkahwinan pihak-pihak ini, mereka telah memperoleh beberapa harta seperti sebidang tanah, sebuah kenderaan Proton Satria, sebuah kenderaan Nissan Navara, sebuah kenderaan Hyundai Sonata, sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Cemerlang, sebuah rumah yang terletak di Kg. Likas, sebuah rumah berkembar dua tingkat di Taman Hilton, sebuah apartmen di Melinsung Summer Bay, sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Cerah Telipok, sebuah pejabat kedai (*shop office*) dan sebuah syarikat CYK Enterprise Sdn. Bhd. yang mana plaintif merupakan pemegang saham sebanyak 80% dan defendan sebanyak 20%.

Kedua-dua plaintif dan defendan telah membuat satu Perjanjian Persetujuan di hadapan peguam mereka untuk membahagikan harta-harta tersebut yang mana harta-harta seperti sebuah rumah berkembar dua tingkat di Taman Hilton, sebidang tanah, sebuah kenderaan Proton Satria dan sebuah kenderaan Nissan Navara diberikan kepada plaintif sepenuhnya. Kemudian,

harta-harta seperti sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Cemerlang, sebuah rumah yang terletak di Kg. Likas dan sebuah kenderaan Hyundai Sonata diberikan kepada defendan sepenuhnya. Selain itu, separuh bahagian yang dimiliki oleh defendan di atas harta-harta yang dinyatakan seperti sebuah apartmen di Melinsung Summer Bay, sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Cerah Telipok dan sebuah pejabat kedai (*shop office*) diberikan sepenuhnya kepada plaintif. Defendan juga bersetuju untuk memindah milik sahamnya sebanyak 20% di dalam Syarikat CYK Enterprise Sdn. Bhd. sepenuhnya kepada plaintif atau kepada mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh plaintif. Plaintif juga bersetuju untuk memberikan wang tunai berjumlah RM60,000.00 kepada defendan. Hakim kemudiannya meneliti Perjanjian Persetujuan tersebut dan mengeluarkan satu perintah untuk membenarkan persetujuan bersama tersebut.

Selain itu, kes seterusnya adalah kes Kamsinah Binti Malik Iwn Kadir Bin Gani (12100-017-0085-2013). Dalam kes ini, pihak plaintif dan defendan telah melangsungkan perkahwinan pada 4 Februari 1988 dan bercerai pada 18 September 2012. Mereka telah memperolehi sebuah kereta dan sebuah rumah sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Plaintif dalam kes ini telah menyatakan di dalam penyata tuntutan bahawa beliau hanya hendak membuat tuntutan harta sepencarian terhadap rumah tersebut atas alasan plaintif ingin tinggal bersama anak-anak yang di bawah jagaannya di rumah tersebut.

Setelah mahkamah menerima penyata tuntutan plaintif, mahkamah mendapati bahawa rumah yang menjadi subjek kepada tuntutan ini tidak boleh diisytiharkan sebagai harta sepencarian kerana ia dibina di atas tanah simpanan kerajaan namun, sekiranya pihak-pihak ingin menjual bahan binaan rumah tersebut, maka hasilnya hendaklah dibahagi sama rata antara mereka kerana wang bayaran harga pembelian rumah sebanyak RM10,000 adalah wang simpanan bersama plaintif dan defendan tanpa dapat dikenal pasti kadar bahagian masing-masing. Namun, plaintif dan defendan tidak berhajat untuk menjual rumah tersebut kerana kesukaran mencari tempat tinggal yang lain, maka plaintif dan defendan bersetuju bahawa plaintif akan menguasai tingkat bawah rumah tersebut dan defendan menguasai tingkat atas rumah itu dan terpulanglah kepada pihak-pihak untuk menyelesaikan masalah tempat tinggal masing-masing untuk mengelakkan sebarang fitnah kerana tinggal serumah. Jika mana-mana pihak meninggalkan rumah tersebut, maka pihak yang tidak tinggal di rumah itu berhak mendapatkan bayaran sebanyak RM5,000. Plaintif juga bersetuju bahawa sebuah kereta yang dimiliki oleh mereka itu akan terus digunakan oleh defendan dan sebagai ganti, defendan akan membayar RM6,500 iaitu 50% daripada nilai asal perolehan kereta tersebut.

Contoh lain bagi kes yang diselesaikan melalui persetujuan bersama adalah kes Malizah Binti Oldy Iwn Matyasin Bin Jamil (12100-0170581-2013). Plaintiff dan defendan telah berkahwin pada 18 Disember 1998 dan telah bercerai dengan talak satu pada 13 Ogos 2006. Hasil daripada perkahwinan ini, pihak-pihak tersebut telah dikurniakan dua orang anak. Semasa pendengaran kes perceraian di Mahkamah Rendah Syariah, telah ada keputusan yang dibuat oleh mahkamah secara persetujuan berhubung dengan pembahagian harta sepencarian yang berupa rumah kelamin yang mana harta tersebut diberikan kepada plaintiff dan anak-anak. Semasa tempoh perkahwinan, defendan telah membeli sebuah rumah *corner lot* dua tingkat di Taman Indah Permai, Kota Kinabalu yang merupakan rumah kelamin pihak-pihak tersebut dan rumah ini telah dilelong oleh pihak bank dengan harga jualan RM480,000.00. Oleh itu, dalam kes ini plaintiff ingin menuntut wang lelongan tersebut kerana rumah tersebut telah diberikan oleh defendan kepada plaintiff dan anak-anak. Kemudian, pihak-pihak akhirnya telah mencapai persetujuan antara mereka agar keuntungan hasil wang lelongan dan jualan rumah tersebut akan dibahagikan sama rata. Persetujuan bersama antara-antara pihak-pihak ini kemudiannya diluluskan oleh hakim.

Seterusnya dalam kes Mohd Khamal Bin Sahak Iwn Julia Adlin Binti Musa (12100-017-0173-2013). Plaintiff dan defendan dalam kes ini telah melangsungkan perkahwinan pada 3 Mac 2006 dan bercerai pada 14 Disember 2012 dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Ketika dalam tempoh perkahwinan, plaintiff dan defendan telah bersama-sama membeli sebuah rumah teres dua tingkat dan rumah tersebut diisytiharkan sebagai harta sepencarian. Plaintiff telah menyumbang RM5,000.00 sebagai duit pendahuluan rumah tersebut. Pada Februari 2013, bayaran ansuran rumah yang berjumlah RM871.89 telah mula dibayar dengan cara potongan gaji plaintiff. Plaintiff dan defendan telah bersetuju supaya gaji plaintiff digunakan untuk membayar ansuran rumah manakala gaji defendan digunakan untuk membeli barang keperluan rumah tersebut. Berdasarkan alasan di atas, plaintiff memohon untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk mengisytiharkan harta tersebut sebagai harta sepencarian ke atas plaintiff secara 100% dengan alasan rumah tersebut dalam proses untuk dijual dan selagi nama defendan masih ada dalam perjanjian jual beli rumah tersebut, defendan enggan untuk menjualnya.

Plaintiff juga memohon agar mahkamah mengeluarkan satu surat atau arahan kepada defendan agar beliau bersetuju untuk menjual rumah tersebut kerana potongan pinjaman perumahan dipotong hanya melalui gaji plaintiff dan kini plaintiff hanya menerima gaji sebanyak RM453.21. Selain itu, plaintiff memohon kepada mahkamah untuk membenarkan hasil jualan rumah tersebut menjadi milik plaintiff sepenuhnya kerana dengan baki wang hasil jualan rumah tersebut akan dapat membantu plaintiff untuk menyelesaikan

hutangnya. Walau bagaimanapun, plaintif akan mempertimbangkan untuk memberi sedikit wang kepada defendan sekiranya rumah tersebut dijual. Plaintif juga memohon kepada mahkamah supaya hak milik rumah tersebut diserahkan kepada plaintif sepenuhnya jika defendan masih enggan menjual rumah tersebut kerana plaintif merasakan dirinya teraniaya dengan tindakan defendan yang sengaja membiarkan dirinya dalam keadaan kesempitan wang walaupun defendan sedia maklum dengan keadaan gaji plaintif. Setelah itu, pada 16 Mac 2013, pihak-pihak telah menghadiri satu Majlis Sulh, namun pihak-pihak gagal mencapai perdamaian dan persetujuan dalam majlis tersebut. Plaintif juga kemudiannya telah meminda penyata tuntutan dengan menuntut agar plaintif berhak sebanyak 90% daripada nilai rumah tersebut dengan alasan kesemua pembiayaan rumah tersebut ditanggung oleh plaintif seorang.

Akhirnya, kedua-dua pihak telah membuat satu persetujuan bersama yang mana pihak-pihak ini bersetuju untuk melupuskan harta sepencarian mereka iaitu satu unit rumah teres dua tingkat dengan cara menjual harta tersebut kepada pembeli. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menandatangani apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan dan penyempurnaan transaksi jual beli rumah tersebut serta bersetuju untuk bersama-sama menanggung kerugian-kerugian yang timbul akibat daripada penjualan rumah tersebut. Hakim kemudiannya membenarkan persetujuan bersama antara pihak-pihak tersebut (Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

## PERBICARAAN DI MAHKAMAH

Pasangan yang tidak dapat menyelesaikan kes harta sepencarian secara damai akan dibicarakan di hadapan hakim. Penyelesaian melalui proses perbicaraan ini menunjukkan pembahagian harta sepencarian yang terdiri kepada pembahagian  $\frac{1}{2}$ ,  $\frac{1}{3}$ , atau  $\frac{2}{3}$  daripada jumlah nilai harta bergantung kepada tahap sumbangan pihak-pihak yang terlibat dalam mendapatkan harta tersebut. Dalam proses perbicaraan ini, pihak yang membuat tuntutan atau dakwaan perlu mengemukakan bukti atau keterangan berkaitan harta sepencarian tersebut. Di samping itu, pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan harta sepencarian ini juga perlu membuktikan kepada mahkamah tentang sumbangan masing-masing dalam memperolehi harta tersebut sama ada sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan langsung biasanya dibuktikan melalui keterangan lisan, manakala sumbangan tidak langsung dibuktikan dengan keterangan keadaan (*circumstantial evidence*). Selain itu, pihak-pihak juga perlu membuktikan takat sumbangan yang telah diberikan oleh mereka dalam memperolehi harta sepencarian tersebut.



Contoh kes tuntutan harta sepencarian yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu adalah kes Zaharin Bin Naamat lwn Nurhanisah Binti Abdullah @ Sumini (12100-017-04612011). Dalam kes ini, plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan untuk mendapatkan satu perintah seperti pengisytiharaan bahawa sebuah kereta milik plaintif iaitu Toyota Rav 4 yang telah dibeli pada sekitar Oktober 1999 bukanlah harta sepencarian antara plaintif dan defendan, bahawa defendan hendaklah mengembalikan kereta tersebut kepada plaintif dengan serta-merta, pengisytiharan bahawa tiga buah rumah daripada beberapa buah rumah yang dimiliki oleh plaintif dan defendan dalam tempoh perkahwinan iaitu sebuah rumah semi-D di Taman Sri Matang, sebuah apartmen di Beverly Hills dan sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Suria Indah sebagai harta sepencarian dan plaintif berhak menuntut 90% daripada nilai rumah tersebut memandangkan kesemua pembiayaannya ditanggung oleh plaintif seorang hingga ke hari ini serta wang plaintif yang berjumlah RM147,000.00 yang telah digunakan oleh defendan untuk membiayai pengajian anak defendan, membeli sebidang tanah di Pontianak, Indonesia dan deposit membeli sebidang tanah di Kuching Sarawak.

Namun, defendan telah tidak bersetuju dengan tuntutan plaintif dan mengemukakan satu tuntutan balas terhadap plaintif iaitu 40% daripada hak atau hasil jualan rumah-rumah yang dimiliki oleh mereka iaitu satu unit kondominium di Jalan Sulaman, sebuah apartmen di University Apartment, sebuah apartmen di Country Heights Apartment, sebuah apartmen di Beverly Hills dan dua buah apartmen di Melinsung Summer Bay Resort Apartment hendaklah diserahkan kepada defendan, 40% daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dimiliki oleh plaintif hendaklah diserahkan kepada defendan serta 40% daripada nilai semasa kereta jenis Proton Gen 2 juga diserahkan kepada defendan manakala kereta jenis Toyota Rav 4 diberikan kepada defendan sepenuhnya. Oleh itu, dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan bahawa harta-harta seperti sebuah rumah semi-D di Taman Sri Matang, dua unit apartmen di Beverly Hills, sebuah kondominium di Jalan Sulaman dan sebuah apartmen di Melinsung Summer Bay Resort Apartment sebagai harta sepencarian. Mahkamah juga memerintahkan plaintif hendaklah menerima kadar bahagian sebanyak 80% dan defendan sebanyak 20% mengikut penilaian semasa penilai profesional ke atas harta-harta sepencarian tersebut setelah ditolak kos dan hutang pinjaman. Selain itu, tuntutan plaintif ke atas sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Suria Indah adalah dibenarkan dan plaintif mendapat kadar bahagian sebanyak 30% manakala defendan sebanyak 70%. Tuntutan plaintif sebanyak RM147,000.00 sebagai hutang semasa perkahwinan adalah ditolak dan tuntutan balas defendan ke atas sebuah apartmen di University Apartment, sebuah apartmen di Country Heights Apartment, sebuah apartmen di

Melinsung Summer Bay Resort Apartment, wang caruman KWSP milik plaintif dan sebuah kenderaan jenis Proton Gen 2 adalah ditolak (Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

### **AMALAN HARTA SEPENCARIAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, jika dibaca secara bersama dengan tafsiran harta sepencarian di atas membawa maksud bahawa harta sepencarian boleh wujud dalam tiga keadaan;

i) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka;

ii) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu (2008); atau

ii) Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu itu atau dengan usaha bersama suami isteri (2008).

### **MASA TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN**

Tuntutan harta sepencarian boleh dibuat dalam tiga keadaan iaitu selepas perceraian, semasa tuntutan poligami atau selepas kematian pihak suami atau isteri (oleh ahli waris).

Berkenaan tuntutan harta sepencarian selepas perceraian, Seksyen 122(3) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan bahawa Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian apabila Mahkamah itu membenarkan lafaz cerai atau perintah perceraian. Oleh itu, Mahkamah di mana perceraian berlaku dan didaftarkan berbidangkuasa membicarakan kes harta sepencarian (2008).

Manakala berkenaan tuntutan harta sepencarian semasa tuntutan poligami, Seksyen 23(10)(b) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan bahawa mahkamah yang memberi kebenaran perkahwinan secara poligami mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan. Peruntukan ini dilihat lebih membela wanita khususnya isteri pertama dalam

menjaga haknya terhadap harta sepanjang perkahwinan mereka tanpa boleh diganggu oleh isteri baharu suaminya. Ini kerana harta sepencarian tersebut diperolehi semasa tempoh perkahwinan mereka dan juga melibatkan persoalan sumbangan isteri dalam harta sepencarian tersebut (2008).

Bagi tuntutan harta sepencarian selepas kematian, tiada peruntukan khusus undang-undang yang membolehkan mahkamah membahagikan harta sepencarian akibat kematian. Namun begitu Arahan Amalan JKSM membolehkan tuntutan harta sepencarian dibuat selepas kematian mana-mana pihak (Arahan Amalan 2003).

#### **FAKTOR DALAM PENENTUAN KADAR HARTA SEPENCARIAN**

Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 telah menggariskan panduan yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah dalam memerintah pembahagian harta sepencarian.

Bagi tuntutan harta sepencarian, selepas perceraian yang melibatkan apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka, mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:

- (a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;
- (b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan
- (c) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada.

Manakala bagi aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- (a) takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga; dan
- (b) keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada.

Oleh itu, berdasarkan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, sumbangan pihak-pihak terhadap harta yang dituntut menjadi asas penentuan kadar pembahagian harta sepencarian. KANUN [MAC 2010]

Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, Seksyen 122 (1)(2)(3) dan (4) mahkamah berkuasa memerintah pembahagian harta sepencarian. Pada prinsipnya, terdapat kecenderungan bagi pihak mahkamah seandainya pihak penuntut ada turut sama memberi deposit atau membayar ansuran pembelian sesuatu harta atau sama-sama mengusahakan suatu harta seperti tanah, maka bolehlah dianggap bahawa penuntut telah memberi sumbangan secara langsung dan berhak mendapat satu perdua.

Sebagai contoh, dalam kes Hajjah Saudah lwn Hana Hj. Daud & Lain-lain, plaintif telah bersama-sama mengusahakan tanah-tanah yang dituntut.

Maka, mahkamah memutuskan bahawa plaintif berhak mendapat satu perdua daripada tanah-tanah tersebut. Walaupun begitu, terdapat juga kes tuntutan harta sepencarian selepas perceraian, walaupun isteri tidak memberi sumbangan secara langsung, namun pihak mahkamah menilai bahawa tahap sumbangan secara tidak langsung adalah dianggap besar dan memutuskan isteri berhak mendapat satu perdua bahagian.

Manakala sekiranya penuntut adalah seorang suri rumah yang hanya menguruskan kerja-kerja rumah, atau bekerja tetapi memberi sumbangan kewangan hanya dalam membeli keperluan harian, maka dia dianggap telah memberikan sumbangan secara tidak langsung dan layak mendapat satu pertiga daripada harta sepencarian. Contohnya dalam kes Bunga binti Ibrahim lwn Ila @ Zila binti Abdullah dan Lain-lain, di samping menguruskan kerja-kerja rumah, plaintif juga ada membuat kerja di luar seperti memungut hasil tanaman tembakau, membuat kelapa kering dan bekerja di Syarikat Ban Tembakau. Namun begitu, tiada keterangan yang menunjukkan plaintif ada memberikan sumbangan secara langsung terhadap harta yang dituntut yang berupa enam lot tanah. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa bahagian yang layak diterima oleh plaintif ialah satu pertiga.

Secara kesimpulannya, penentuan tahap sumbangan ditentukan oleh budi bicara dan kebijaksanaan hakim berdasarkan sejauh mana keterangan yang dapat diketengahkan oleh pihak penuntut terhadap tahap sumbangan yang mereka berikan.

Terdapat dua jenis sumbangan dalam memperolehi harta sepencarian iaitu sumbangan secara langsung dan sumbangan secara tidak langsung. Sumbangan secara langsung adalah apabila suami dan isteri sama-sama bekerja dan berusaha untuk mendapatkan pemilikan suatu harta atau aset. Manakala sumbangan secara tidak langsung adalah sumbangan yang dibuat oleh pasangan suami isteri tanpa melibatkan sumbangan yang dapat dinilai secara hakiki. Antaranya (Walid Abu Hasan, 2003) ialah:

- i) Menjadi isteri yang taat dan bertanggungjawab dan sentiasa menjaga kehormatan suami;
- ii) Memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga untuk memberi keselesaan kepada suami dalam memperolehi aset;
- iii) Menemani suami semasa suami berurusan untuk memperolehi harta tersebut ke mana sahaja seperti ke pejabat perumahan, pejabat tanah, pejabat peguam dan sebagainya yang membuatkan suami merasa senang dan terhibur dengan keletihan dan kesusahan;
- iv) Menjaga dan memelihara anak-anak yang masih di bawah umur dengan baik;

- v) Menjaga makan minum suami dan pakaian suami dengan baik dan teratur;
- vi) Menjaga suami yang terlantar sakit beberapa tahun dengan sabar;
- vii) Bekerja dan menggunakan duit gaji membantu meringankan beban suami dalam rumah tangga.

Merujuk kepada kes Norsiah Arshad lwn Marsum Paing (2004), dalam kes ini Yang Arif Hakim Dato' Zohdi Toha telah memberi penghakiman bahawa, sekali pun plaintif tidak mengeluarkan atau menyumbangkan wang ringgit untuk pembelian harta-harta yang dituntut untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian tetapi telah wujud sumbangan moral atau tidak langsung di mana plaintif ada menaip kad-kad jemputan dan hari raya serta lain-lain sedikit sebanyak membantu defendan dalam kerjayanya sebagai sebagai seorang kontraktor yang berjaya. Yang Arif Hakim telah membuat keputusan bahawa harta-harta yang dituntut hendaklah dibahagi 1/3 kepada plaintif.

Kemudian dalam kes, Haminahbe lwn Samsudin (1979), Kadhi Besar, Pulau Pinang, Haji Harussani bin Haji Zakaria telah berkata:-

*'Haminahbe bt. Hassan sepanjang perkahwinan dengan Samsudin bin Hasain telah berlaku sebagai isteri dan telah membuat kerja-kerja yang lazim dilakukan oleh seorang isteri dengan sepenuhnya tanpa mendapat pertolongan dari orang gaji, maka itu segala penghasilan sepanjang hidup perkongsian bolehlah dianggap hasil bersama. Kerja-kerja yang dilakukan oleh seorang isteri yang tidak dibantu oleh orang gaji sekurang-kurangnya telah meringankan beban si suami setidak-tidaknya sepertiga dari tanggungannya'.*

Mengenai sumbangan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, syarak telah mengiktiraf harta yang diperolehi melalui sumbangan dan usaha sama ada dari pihak lelaki mahupun dari pihak perempuan sebagaimana yang disebut di dalam Al-Quran. Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Nisa' ayat 32 yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran), (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka usaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."*

Sayed Sabiq, 1981 menjelaskan bahawa dasar yang ditetapkan oleh Islam dalam mengatur kehidupan suami isteri adalah sesuai dengan fitrah dan tabiat manusia itu sendiri. Lelaki lebih mampu bekerja, bersungguh-sungguh berusaha dan mencari pendapatan di luar rumah, manakala perempuan lebih mampu menguruskan rumah tangga, mendidik

anak-anak, menjadikan suasana rumah tangga menyenangkan dan penuh ketenteraman. Oleh sebab itu, ditugaskan kepada lelaki dengan kerja-kerja yang sesuai dengan fitrahnya, manakala ditugaskan kepada perempuan dengan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrahnya. Dengan yang demikian, rumah tangga dapat tersusun dengan baik sama ada di dalam atau di luar sehingga tidak mendapati salah seorang daripada suami atau isteri faktor daripada faktor-faktor yang boleh memecah-belahkan rumah tangga tersebut.

Merujuk kepada kes Noor Bee lwn Ahmad Shanusi (1978), Yang Arif Tuan Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, antara lain telah berpendapat:

*“Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga, suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak, maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami.”*

Dalam kes Yang Chik binti Hashim lawan Abdul Jamal bin Abdul Rahim (1986), Yang Arif Dato’ Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, pada masa itu Kadi Besar Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antara lain berpendapat:

*“Konsep harta sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbangkan tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta.”*

Faktor seterusnya ialah mahkamah akan melihat kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi harta-harta tersebut. Perkara ini merujuk kepada bahagian atau takat sumbangan pihak-pihak dalam harta sepencarian, iaitu sama ada satu pertiga atau setengah atau sebagainya. Dalam membuat penentuan ini, mahkamah mengambil kira sumbangan sebenar secara langsung atau tidak langsung kedua-dua belah pihak dalam usaha memperolehi harta tersebut. Ini penting demi menepati kehendak keadilan pembahagian yang dikehendaki. Sesungguhnya mengambil harta orang lain secara batil adalah dilarang sama sekali dalam Islam. Dalam Surah Al-Baqarah ayat 188, yang bermaksud:

*“Dan janganlah sebahagian kamu makan (atau mengambil) harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

Kaedah umum yang digunakan bagi membahagikan harta sepencarian adalah sama bagi setiap negeri iaitu mahkamah membahagikan harta tersebut mengikut takat sumbangan yang telah dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk

wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset-aset tersebut dan takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset-aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga. Dalam menentukan pembahagian harta sepencarian ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat pertimbangan antaranya:

1) Sama ada harta yang diperolehi bersama itu benar-benar hasil usaha kedua suami isteri itu.

2) Jika ia hasil kedua-dua, berapakah kadar sumbangan setiap mereka, adakah 50-50?

3) Jika harta itu diperolehi bersama tetapi sumbangan salah satu pihak lebih besar daripada sumbangan pihak yang lain, penentuan kadar patut dibuat sama ada 60%, 40%, 70%, 30% atau sebagainya.

4) Sama ada sumbangan kedua-dua pihak merupakan sebahagian daripada modal untuk mendapat sesuatu harta seperti pembelian rumah melalui pinjaman kerajaan atau bank. Maka penentuan sumbangan masing-masing harus dibuat.

#### **KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN**

Pembahagian harta sepencarian boleh diselesaikan oleh pihak-pihak dengan kaedah berikut:

- i) Penghakiman persetujuan
- ii) Kuasa Mahkamah

Penghakiman persetujuan dicapai sama ada melalui proses sulh atau persetujuan pihak-pihak yang dilakukan semasa perbicaraan. Sulh merupakan suatu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah, dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi, yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu, dan seandainya perdamaian tercapai, ianya akan dikeluarkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa. Sulh merupakan cara terbaik dalam menyelesaikan masalah atau pertikaian yang melibatkan dua pihak terutama berkenaan pembahagian harta. Persetujuan yang dicapai semasa perbicaraan adalah persetujuan yang dicapai apabila hakim memberi peluang kepada pihak-pihak supaya mencapai persetujuan bersama atau salah satu pihak memberikan kaedah penyelesaian dan dipersetujui oleh pihak yang satu lagi dan direkod oleh mahkamah sebagai penghakiman persetujuan (Muhammad Luqman Ahmad Pauzi, 2020).

Pembahagian melalui kuasa mahkamah (2008) merupakan cara yang terakhir sekiranya persetujuan bagi kedua-dua pihak gagal dicapai. Mahkamah akan mengeluarkan satu perintah setelah mendengar keterangan dan penghujahan kedua-dua belah pihak.

## HASIL KAJIAN BAGI TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI KEDAH

Dalam mengkaji kes tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah, penulis telah mendapat data statistik kes harta sepencarian bagi tempoh tahun 2017–2019 dan juga menemu bual dua orang responden iaitu Syeikh Amiruddin Putera bin Zainol Abidin, 2020 dan Syeikh Muhammad Faizal bin Mohd Mahayadin, 2020.

Pada tahun 2017, sebanyak 102 kes harta sepencarian telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah. Pada tahun berikutnya sebanyak 132 kes didaftarkan. Manakala pada tahun 2019 sebanyak 102 kes harta sepencarian telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah.

Setakat data ini dikumpul pada 30 Ogos 2020, daripada keseluruhan kes yang didaftarkan dalam tempoh 2017-2019 yang berjumlah 351 kes, sebanyak 230 kes telah diselesaikan iaitu 65.53%, seperti Jadual 1 di bawah:

TAHUN	KUASA MAHKAMAH	PENGHAKI MAN PERSETUJUAN	TUNTUTAN DITOLAK	TUNTUTAN DIBATAL
2017	20	48	15	6
2018	20	49	0	14
2019	21	33	7	5
JUMLAH	61	130	14	25

Jadual 1: Kes harta sepencarian bagi 2017-2019 yang selesai setakat 30 Ogos 2020

Berdasarkan Jadual 1 di atas, penghakiman persetujuan mendominasi cara penyelesaian tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah. Bagi tahun 2017-2019, 130 kes daripada 230 kes (56.5%) telah diselesaikan secara penghakiman persetujuan. Manakala 61 kes (26.5%) diselesaikan melalui kuasa mahkamah yang melibatkan perbicaraan. Sebanyak 14 kes lagi (6.1%) ditolak dan 25 kes (10.9%) dibatalkan tuntutan harta sepencarian.

Menurut Syeikh Muhammad Faizal bin Mohd Mahayadin (2020), penyelesaian secara persetujuan penghakiman menjadi pilihan alternatif kerana dapat menjimatkan masa dan kos pihak-pihak. Penyelesaian melalui kuasa mahkamah (perbicaraan), selain memakan masa dan kos pihak-pihak, ia juga memerlukan keterangan dan bukti yang kukuh dalam membuktikan tuntutan harta sepencarian. Kekurangan keterangan dan bukti ini mendorong penyelesaian dilakukan secara persetujuan penghakiman. Oleh itu, persetujuan penghakiman sama ada melalui proses *sulh* atau persetujuan pihak-pihak semasa perbicaraan adalah situasi menang-menang antara pihak-pihak. Di samping itu, persetujuan penghakiman juga membolehkan pihak-pihak menentukan pelbagai pilihan penyelesaian harta sepencarian mengikut



kehendak pihak-pihak seperti penjualan, pindah milik bahagian, sewaan dan jual bahagian.

Penulis telah meneliti 80 fail kes bagi keseluruhan kes yang didaftarkan bagi tahun 2017-2019 bagi menganalisis isu-isu berikut:

- i) Apakah jenis sumbangan yang menjadi asas tuntutan?
- ii) Bagi sumbangan tidak langsung, apakah jenis sumbangan tersebut?
- iii) Berapakah kadar harta sepencarian yang diputuskan oleh mahkamah?

Daripada 80 fail kes tersebut, jenis sumbangan yang menjadi asas tuntutan harta sepencarian adalah seperti Jadual 2 di bawah:

JENIS SUMBANGAN	LAN GSUNG	TIDAK LANGSUNG	LANGSUNG & TIDAK LANGSUNG
<b>BIL KES</b>	21	6	53

Jadual 2: Jenis sumbangan asas tuntutan harta sepencarian

Berdasarkan Jadual 2 di atas, daripada 80 kes yang diteliti, 53 kes tuntutan harta sepencarain difailkan berasaskan kepada gabungan sumbangan secara langsung dan sumbangan secara tidak langsung. Manakala 21 kes pula difailkan berasaskan sumbangan secara langsung sahaja. Bagi sumbangan secara tidak langsung sahaja, hanya 6 kes sahaja difailkan. Menurut Syeikh Muhammad Faizal bin Mohd Mahayadin, bagi tuntutan atas gabungan sumbangan secara langsung dan sumbangan secara tidak langsung, lazimnya asas utama tuntutan harta sepencarian adalah sumbangan secara tidak langsung. Namun begitu, disebabkan terdapat sebahagian sumbangan secara langsung yang disumbangkan, maka tuntutan didasarkan atas alasan sumbangan secara langsung dan sumbangan secara tidak langsung. Sebagai contoh, pihak isteri ada membayar wang pendahuluan dalam memperolehi sesebuah rumah yang ditanggung bayaran bulanan oleh pihak suami atau pihak isteri ada mengeluarkan kos untuk pengubahsuaian. Dalam keadaan ini, pihak isteri akan menuntut harta sepencarian atas alasan sumbangan secara langsung dan sumbangan secara tidak langsung.

Hasil kajian mendapati antara sumbangan secara tidak langsung yang menjadi asas tuntutan harta sepencarian adalah seperti berikut:

- i) pengurusan atau penjagaan keluarga dan rumah tangga
- ii) menguruskan keperluan makan minum dan kebajikan suami.
- iii) melahirkan, mendidik dan menjaga anak-anak
- iv) membantu mendapatkan harta dari segi sokongan moral
- v) kesanggupan isteri memahami kerjaya suami
- vi) sentiasa taat, tidak nusyuz dan tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri
- vii) menyelenggara harta

Pengurusan atau penjagaan keluarga dan rumah tangga merupakan sumbangan secara tidak langsung utama yang menjadi asas tuntutan harta sepencarian.

Kajian mendapati kadar pembahagian harta sepencarian yang diputuskan oleh mahkamah kepada pihak yang menuntut sama ada melalui penghakiman persetujuan atau kuasa mahkamah adalah satu perdua ( $1/2$ ), satu pertiga ( $1/3$ ), satu perlima ( $1/5$ ), satu perenam ( $1/6$ ), dua perlima ( $2/5$ ), tiga perempat ( $3/4$ ) dan lima perenam ( $5/6$ ). Menurut Syeikh Amiruddin Putera bin Zainol Abidin (2020), dalam menetapkan kadar pembahagian harta sepencarian, mahkamah akan menilai takat sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi harta sepencarian sama ada sumbangan secara langsung atau sumbangan secara tidak langsung. Lazimnya adalah seperti berikut:

i) Satu perempat ( $1/4$ ) kepada pihak yang tidak memberi apa-apa sumbangan secara langsung seperti dalam bentuk kewangan. Dalam keadaan ini, sumbangan secara tidak langsung pihak tersebut diambil kira oleh mahkamah seperti menguruskan rumah tangga dan anak-anak. Lazimnya pihak tersebut adalah pihak isteri yang merupakan suri rumah sepenuh masa.

ii) Satu perdua ( $1/2$ ) atau sama rata kepada kedua-dua pihak suami isteri. Dalam keadaan ini biasanya wujud sumbangan langsung yang sama rata antara pihak-pihak dalam memperolehi harta tersebut.

iii) Lebih satu perdua ( $1/2$ ) atau tiga perempat ( $3/4$ ) kepada pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung yang hampir sama dengan pihak satu lagi dan pada masa yang sama juga telah menyumbang juga sumbangan secara tidak langsung seperti mengurus rumah tangga.

Menurutnya lagi, jika harta tersebut adalah hasil usaha tunggal isteri dan suami tidak memberi apa-apa sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung, harta tersebut tidak dikira sebagai harta sepencarian tetapi harta mutlak pihak isteri. Manakala bagi harta yang didaftarkan atas nama kedua-dua suami isteri, pada amnya pembahagian akan diberikan sama rata. Namun begitu, jika hanya satu pihak saja yang menyumbang kewangan dalam perolehan harta tersebut, pihak tersebut berhak sebanyak tiga perempat ( $3/4$ ) dan pihak yang satu lagi hanya berhak sebanyak satu perempat ( $1/4$ ) sahaja.

## KESIMPULAN

Dapatlah difahami bahawa harta sepencarian merupakan harta yang diperolehi sepanjang tempoh perkahwinan sama ada melalui usaha bersama mahupun usaha tunggal pasangan yang berkahwin. Apa saja sumbangan secara tidak langsung yang berhubung dengan pemerolehan harta diterima oleh mahkamah sebagai faktor dalam menentukan status dan kadar pembahagian harta sepencarian.

Konsep dan pembahagian harta sepencarian di Malaysia ini telah dikanunkan di dalam Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri. Mahkamah Syariah negeri-negeri diberi bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta ini daripada mana-mana pasangan orang Islam yang telah bercerai. Sesuatu tuntutan boleh dipertimbangkan mahkamah bergantung kepada takat atau kadar sumbangan yang diberikan oleh pihak yang menuntut terhadap harta-harta yang dikumpulkan dalam tempoh perkahwinan mereka. Mahkamah Syariah biasanya mengambil kira sumbangan secara tidak langsung kepada sumbangan berbentuk modal atau aset di luar rumah. Sumbangan secara tidak langsung di dalam rumah (mengurus rumah dan anak-anak) akan dipertimbangkan tertakluk kepada kuasa budi bicara mahkamah dengan mengambil kira status pihak yang memohon (Suwaid Tapah, 2001).

Tuntutan harta sepencarian di negeri Sabah telah diperuntukkan di bawah Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sabah. Enakmen ini memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah berbidang kuasa dalam membahagikan harta-harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri itu sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Berdasarkan kepada kes-kes yang berlaku di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu Sabah, harta-harta sepencarian yang diperolehi oleh pasangan suami isteri sepanjang tempoh perkahwinan adalah meliputi harta tak alih seperti tanah dan rumah serta harta alih seperti kereta, motosikal, peti sejuk, televisyen dan sebagainya. Harta tersebut juga diperoleh melalui sumbangan langsung antara suami isteri atau sumbangan tidak langsung antara mereka. Kes-kes tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu Sabah telah diselesaikan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah persetujuan bersama antara pihak-pihak dan perbicaraan. Berdasarkan kepada ketiga-tiga kaedah ini, penyelesaian melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak adalah yang tertinggi sekali dalam tempoh 2010 sehingga 2015 (Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin, 2015).

## **CADANGAN DAN SARANAN**

Sebelum perkahwinan berlaku, bakal suami dan isteri disarankan berbincang dengan baik dan memeterai perjanjian di antara dua pihak mengenai apa-apa yang diinginkan termasuklah dalam bab tuntutan harta sepencarian. Ini kerana hukum fiqh dan peruntukan undang-undang yang sedia ada agak umum dan tertakluk jua kepada persetujuan kedua-dua pihak suami isteri. Perjanjian tersebut hendaklah dibuat secara bertulis, disaksikan oleh pihak Pesuruhjaya Sumpah dan seterusnya dimatikan setem agar ianya dapat disah lakukan pada masa hadapan jika berlaku apa-apa keperluan mendesak yang memerlukan persetujuan pihak-pihak yang bertikai.

Kajian ini juga mencadangkan agar boleh diwujudkan suatu garis panduan lengkap atau prosedur *standard* permohonan harta sepencarian bagi wanita dalam membantu golongan ini mendapatkan hak mereka seterusnya merancang kewangan yang lebih stabil pada masa hadapan. Ciri-ciri prosedur *standard* perlulah diimplementasikan dalam bentuk yang boleh dicapai pemohon harta sepencarian. Seterusnya prosedur *standard* perlulah mesra pengguna dan mudah dipohon dan cepat diluluskan oleh pihak mahkamah.

Cadangan dipertimbangkan agar dibuka kaunter ekspres di bangunan mahkamah dan permohonan dalam talian khusus untuk permohonan harta sepencarian. Aplikasi seperti ini amat perlu agar proses pembahagian lebih cepat dan efisien dan memberi kemudahan kepada wanita terutamanya untuk merancang masa depan mereka hasil tuntutan hak yang bakal dimiliki seterusnya dilindungi oleh undang-undang.

Sesuai dengan tema “Harta Sepencarian: Antara Kemaslahatan dan Kemudharatan Melalui Dimensi Syariah dan Undang-Undang” adalah bertujuan untuk mencari jalan tengah dan titik persamaan agar tidak timbul fahaman ekstrim atau sikap tidak ambil kisah berkaitan polemik ini. Maka, tajuk artikel ini iaitu “Sumbangan Simbolik Dalam Pembahagian Aset Harta Sepencarian Di Malaysia: Satu Permintaan Pasca Perceraian” dilihat amat signifikan untuk diketengahkan pada masa kini agar cambahan ilmu pengetahuan mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dapat dicakna, diperhalusi dan diterjemahkan dalam realiti masyarakat yang cintakan keadilan dan kesaksamaan.

## RUJUKAN

Abdul Walid Bin Abu Hassan (2019), *Harta Sepencarian: Klasifikasi, Prosedur Dan Pelaksanaan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Retrieved August 15, 2020, from [www.ikim.gov.my > wp-content > uploads > 2019/09](http://www.ikim.gov.my/wp-content/uploads/2019/09)

Mohd Anuar Ramli, Mohd Nouhusairi Mat Hussin & Muhammad Aizat Jamaludin (2012), *Elemen Sumbangan Dalam Pembahagian Harta Sepencarian : Pengalaman Kaum Wanita Mekayu di Malaysia*, *Essteem Academic Journal* , Volume 8 Issue 2 77-92, Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang & UPENA. Retrieved September 1, 2020, from [http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/25045/V8N2A7F.pdf](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/25045/V8N2A7F.pdf)

Muhammad Liqman bin Ahmad Pauzi (2018), *Sumbangan Tak Langsung Dalam Pembahagian Harta Sepencarian : Satu Kajian Di Selangor*, *Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang* , Kolej Universiti Islam

Antarabangsa

Selangor.

Retrieved

[https://www.academia.edu/36637072/SUMBANGAN TAK LANGSUNG DALAM PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN SATU KAJIAN DI SELANGOR](https://www.academia.edu/36637072/SUMBANGAN_TAK_LANGSUNG_DALAM_PEMBAHAGIAN_HARTA_SEPENCARIAN_SATU_KAJIAN_DI_SELANGOR)

Norazlina Abdul Aziz, Irini Ibrahim & Mohd Norhusairi Mat Hussin (2019 ), Harta Sepencarian/Aset Perkahwinan Bagi Pembubaran Perkahwinan Di Bawah Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 Serta Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, *Journal of Shariah Law Research*, Vol 4 No 1. Retrieved August 29,2020, from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/17588>

Sayed Sabiq, *Fiqh al Sunnah*, jilid 3, Dar al Fikr, Beirut, 1981.

<http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/tn50-bawa-agenda-wanita>

1.485159#ixzz58Y70Oli3 © Utusan Melayu (M) Bhd.

Ahmad Ibrahim, 1968. *The Muslims in Malaysia and Singapore: The Law of Matrimonial Property*, J.N.D. Anderson (ed.) *Family Law in Asia and Africa*. London: George Allen and Unwin Limited, hlm. 182.

Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, hlm. 337.

Amin Al-Jarumi. 2016. *Kaedah-Kaedah Fiqah Yang Utama*. Kulliyah Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti INSANIAH. Kedah, hlm. 98-119.

Azlina Abd Latiff. 2004. *Harta Sepencarian: Pelaksanaan dan Penilaian Menurut Hukum Syarak*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 67.

Hammad Mohamad Dahalan. 2014. *Pengurusan: Peranan, Pelaksanaan dan Keberkesannya oleh Pegawai*. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*, hlm. 563.

Miszairi Sitoris & Akmal Hidayah Halim. 2010. *Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian*. 22 *Kanun* (1), hlm. 34.

Mohd Anuar Ramli, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin. 2012. *Elemen Sumbangan Dalam Pembahagian Harta Sepencarian: Pengalaman Kaum Wanita Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Teknologi MARA. Hlm. 81.

Norliah Ibrahim. 2007. *Masalah Tuntutan Harta Sepencarian, dalam Najibah Mohd Zin et al, Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia: Undang-undang Keluarga Islam, Jilid 14, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 216-220.*

Nur Shafiqqah Mudaran & Zuliza Mohd Kusrin. *Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Sabah, dalam Isu Syariah dan Undang-undang Siri 22 @ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.*

P.M. Bromley & N. V. Lowe, 1992. *Bromley's Family Law. London: Edisi ke-8. Butterworth & Co. Ltd., hlm. 105.*

Siti Noraini Haji Mohd Ali & Zulkifli Hasan t.th. *Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor. Hlm. 11*

Suwaid Tapah. 2001. *Wanita dan Hak Pembahagian Harta Sepencarian: Satu Perbincangan Wanita dan Perundangan Islam, suntingan Raihanah Abdullah. Petaling Jaya, Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.*

Zaini Yusnita Mat Jusoh. 2016. *Isu-Isu Terhadap Tuntutan Harta Sepencarian Di Bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003). International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD 2016), hlm. 123-131.*

*Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-negeri.*

## **SENARAI TEMU BUAL**

*Syeikh Amiruddin Putera bin Zainol Abidin (Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah) dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 September 2020, jam 9.00 pagi.*

*Syeikh Muhammad Faizal bin Mohd Mahayadin (Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah Negei Kedah) dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 September 2020, jam 11.00 pagi.*

## **KES-KES**

*Aimee Nadia Abdullah @ Jeslin Binti Beliku lwn Jumain Bin Sainoh (12100-017-0517-2013).*

*Bunga Bt Ibrahim lwn Ila@ Zila bt Abdullah & lain-lain (1999), 9 JH 198.*

*Chong Yaw Kiong @ Muhammad Asif Chong Abdullah lwn Affidah Binti Sarudin (12100-017-0186-2014).*

*Habsah Bt Saad lwn Surianata Baharom & Shaari Samad (2004) XVI 83.*

*Haji Saudah Lwn Hanafi, (1990), 8 JH 66.*

*Hajjah Lijah binti Jamal lwn Fatimah bt Mat Diah [1950] MLJ 63.*

*Ibrahim bin Ag. Ali lwn Maisarah Maidol Abdullah @ Mascila Maidol (12100-017-02902014).*

*Kamsinah Binti Malik lwn Kadir Bin Gani (12100-017-0085-2013).*

*Malizah Binti Oldy lwn Matyasin Bin Jamil (12100-017-0581-2013).*

*Mohd Khamal Bin Sahak lwn Julia Adlin Binti Musa (12100-017-0173-2013).*

*Nikmah Binti Abdullah lwn Ridwan Bin Tenriranran (12100-017-0414-2013).*

*Roberts @ Kamarulzaman lwn Ummi Kalthom [1981] 2 JH 82.*

*Saudah Binti Ali Baki lwn Junit Bin Yusup (12100-0170315-2015).*

*Siti Jurinah Asmat lwn Musmulyady Matlin (12100-0170096-2015).*

*Suhaini Binti Abdul Hamid lwn Chee Rodzmi Ismail (12100-017-0009-2014).*

*Suzane Binti Adzmin @ Amin lwn Ayatullah Bin Yampalera (12100-017-0133-2015)*

*Yang Chik lwn Abdul Jamal [1985] 6 JH 146.*

*Zaharin Bin Naamat lwn Nurhanisah Binti Abdullah @ Sumini (12100-017-0461-2011).*

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*